

ETIKA ALAM SEKITAR DALAM NOVEL JONG CHIAN LAI DARI PERSPEKTIF PRIBUMI

MAHARAM MAMAT
Universiti Kebangsaan Malaysia
maharam@ukm.edu.my

ABSTRAK

Masyarakat pribumi sangat beretika apabila berinteraksi dengan alam sekitar. Cara hidup seharian mereka penuh dengan elemen kasih sayang dan penghormatan terhadap alam. Mereka bukan sahaja menjadikan hutan dan alam semula jadi sebagai tempat tinggal yang aman tetapi memperoleh sumber makanan, ubat-ubatan, air minuman dan semua keperluan hidup, selain menyerlahkan manifestasi amalan, kepercayaan dan pemujaan terhadap kuasa ghaib. Kajian ini menganalisis tentang bagaimana interaksi yang beretika antara masyarakat pribumi di Sarawak dan alam sekitar yang diterjemahkan dalam karya kreatif. Analisis ini menggunakan kritikan eko (*ecocriticism*), hanya melibatkan tiga buah novel Jong Chian Lai iaitu *Gugurnya langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988) dan *Suara dari Rimba* (2008). Amalan beretika apabila berinteraksi dengan persekitaran dalam kajian ini diteliti dari sudut hubungan mereka dengan alam semula jadi (flora, fauna dan alam sekitar fizikal), hubungan dengan manusia yang lain, orang yang telah mati (roh) dan hubungan dengan Pencipta (Tuhan). Berdasarkan analisis teks tersebut didapati bahawa masyarakat pribumi menitikberatkan hubungan yang harmoni dengan persekitaran dalam kehidupan mereka. Hubungan yang beretika antara masyarakat pribumi di Sarawak diketengahkan oleh penulis Jong Chian Lai melalui tiga bentuk interaksi utama, iaitu, interaksi antara pribumi dan alam sekitar, antara pribumi dengan roh dan tuhan, termasuk menghormati kawasan perkuburan nenek moyang mereka dan juga interaksi antara pribumi dan masyarakat luar yang lain. Hubungan ini bukan sahaja kerana masyarakat pribumi ini perlu menjaga kelestarian persekitaran bagi menjamin kesinambungan hidup mereka, tetapi juga didorong oleh amalan, kepercayaan dan pegangan hidup masyarakat itu sendiri. Kehadiran elemen alam sekitar dalam karya kreatif terutama novel pula menjadikan cakupan hasil kesusasteraan Melayu lebih mencabar dan lebih luas rangkumannya.

Kata kunci: Jong Chian Lai; pribumi Sarawak; kajian alam sekitar; kritikan eko; etika alam sekitar

ENVIRONMENTAL ETHICS FROM NATIVES' PERSPECTIVE IN NOVELS WRITTEN BY JONG CHIAN LAI

ABSTRACT

Indigenous people are very ethical in their interactions with the nature. Their daily routines are filled with elements of love and respect towards the environment. The forest and the natural world not only becomes their place of living, but also as a source of food, medicine, drinking water and other basic necessities of daily life. Not only that, nature has also become the manifestation of their practice, beliefs and reverence for the spiritual world. This study will analyse on how the ethical interactions between the indigenous community in Sarawak and

nature are translated into creative literature. This analysis will make use of eco criticism, involving three novels by Jong Chian Lai, entitled *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988) and *Suara dari Rimba* (2008). In this study, the ethical practice in their interactions with nature is examined in their relationship with the natural world (the flora, fauna and the physical component of nature), their relationships with other human beings and the deceased, and their connections with the Creator. Based on the analysis of the texts, it is found that the indigenous people values great importance on the harmonious relationship with nature in their daily lives. This ethical relationship between the indigenous communities in Sarawak is featured by author Jong Chian Lai in three main forms of interaction, namely, interactions between the indigenous community and nature; interactions between the indigenous community and the spirit and God, including respect towards their ancestral places of burial; and also interactions between the indigenous community and other outside communities. This relationship exists because the indigenous community needs to maintain the preservation of nature in ensuring the continuity of their lives, and also driven by their practice, belief and principles in life. The existence of the elements of nature in creative works, particularly in novels, forms an extensive range while presenting a more challenging summary of Malay literature specifically.

Keywords: Jong Chian Lai; Sarawak indigenous community; environmental studies; eco criticism; environmental ethics

PENGENALAN

Penggunaan isu dan elemen alam sekitar dalam karya sastera seringkali diangkat dalam karya-karya penulis tempatan Sarawak. Negeri Sarawak kaya dengan pelbagai adat resam, budaya, kepercayaan dan amalan selain dari keindahan buminya secara semula jadi. Kepelbagaian ini telah diserapkan ke dalam karya secara tidak langsung dan diterjemahkan oleh pemikiran pengarang bersandarkan persekitarannya. Pengarang sama ada secara sedar atau tidak sedar telah menumpahkan pengalaman persekitaran ini ke dalam karya masing-masing sejajar dengan tanggapan bahawa karya sastera adalah berbentuk mimesis, iaitu hasil peniruan dari persekitaran (Zakir, 2003). Melalui karya juga pengarang bertindak mengawal dan mengatur cerita dengan mencipta satu bentuk mikrokosmos lingkungan dunianya bertujuan mempersembahkan matlamat pemikiran (Zakir, 2014). Adat resam dan kepercayaan masyarakat tempatan umpamanya telah dijalinkan dengan kemas dalam novel *Ngayau* (1987) dan *Kelingkang* (1998) menjadikan kedua-dua novel ini kelihatan begitu unik dan istimewa. Alam sekitar sosial dan budaya juga dapat dilihat dengan jelas dalam karya-karya melibatkan isu-isu agama, kepercayaan, adat resam dan cara hidup serta interaksi sosial yang berlaku antara manusia dan persekitaran. Isu-isu berkenaan amat jelas dipencarkan melalui novel *Ngayau* (1987), *Anak Ruma' Kadang* (2007), *Kelingkang* (1998), *Pindah* (1988) dan *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) dengan mengangkat pelbagai adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan melalui upacara gawai, miring, upacara korban dan sebagainya. Pelbagai warna tempatan ini mempunyai nilai yang tersendiri dilihat dari perspektif alam sekitar. Hubungan antara alam sekitar sosial dan budaya dengan persekitaran ini perlu ditafsirkan secara bersama. Artikel ini menganalisis tiga buah novel Jong Chian Lai yang mendedahkan tentang interaksi masyarakat pribumi dan alam sekitar, iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, *Pindah* dan *Suara dari Rimba*.

ETIKA ALAM SEKITAR

Etika alam sekitar bukan isu yang baru muncul dalam kehidupan manusia tetapi diamalkan sejak kewujudan manusia. Ia merupakan disiplin yang baru digelar, berkaitan dengan falsafah dan mempunyai hubungan yang rapat dengan pelbagai bidang berkait dengan aktiviti-aktiviti manusia terhadap alam sekitar. Ia merujuk kepada kajian tentang sistem nilai yang perlu dipertimbangkan oleh masyarakat dan menjadi panduan dalam setiap tindakan apabila berinteraksi dengan alam sekitar (Matsui, 2015; Watene & Yap, 2015).

Sebelum mendefinisikan pengertian etika alam sekitar, terlebih dahulu perlu difahami tentang pengertian alam sekitar itu sendiri. James M. Baldwin mendefinisikan alam sekitar sebagai lingkungan dan keseluruhan keadaan luaran yang memberi pengaruh serta berinteraksi dengan organisma dalam apa juga peringkat kedudukannya. Ini bermakna, alam sekitar perlu dilihat secara keseluruhan tanpa mewujudkan pemisahan antara komponen-komponen di dalamnya (Mohd Zuhdi & Amer Saifude, 2002). Ahli ekologi berpendapat bahawa alam sekitar merupakan semua keadaan dan pengaruh luaran yang memberi kesan kepada kehidupan dan perkembangan organisma. Tanggapan dan perbezaan pendapat terhadap maksud alam sekitar yang berlaku bergantung kepada perspektif mana seseorang itu melihat alam sekitar itu sendiri. Ini menyatakan bahawa alam sekitar tidak sahaja merangkumi elemen-elemen fizikal sahaja tetapi juga turut memuatkan aspek sosio-budaya masyarakat (Abdullah Mohamad Said, 1999). Oleh itu secara asasnya, elemen-elemen alam sekitar boleh dikategorikan kepada beberapa kumpulan seperti;

- i. Alam sekitar fizikal terdiri daripada elemen-elemen seperti air, udara, tanah, dan bahan galian;
- ii. Alam sekitar biologi merupakan elemen-elemen bernyawa yang terdiri daripada haiwan dan tumbuhan yang juga merupakan komponen penting alam sekitar;
- iii. Alam sekitar sosial merangkumi keseluruhan sistem sosial seperti kebudayaan dan sistem politik;
- iv. Alam bina, iaitu alam yang telah dibangunkan oleh manusia untuk mencapai tujuan tertentu seperti perbandaran, kawasan penempatan dan kawasan pertanian.

Jadi, etika alam sekitar ditakrifkan sebagai satu disiplin ilmu pengajian yang membahaskan tentang sistem nilai yang perlu wujud bagi menjustifikasikan tindakan manusia, sama ada tindakan yang diambil itu baik atau buruk ke atas alam sekitar. Etika alam sekitar ialah konsep yang merujuk kepada usaha menjustifikasikan perilaku manusia ke atas alam sekitar, iaitu ke arah merumuskan suatu sistem nilai yang dapat diaplikasikan menjadi garis panduan kepada manusia bagaimana sepatutnya berinteraksi dengan alam sekitar berpandukan nilai-nilai murni, seterusnya berkembang menjadi undang-undang dan polisi berkaitan alam sekitar. Perbincangan berkenaan etika alam sekitar menjurus kepada persoalan bagaimanakah untuk mengkategorikan sesuatu perilaku itu baik ataupun buruk, berteraskan kepada idealisme alam sekitar. Perkara ini menggabungkan sistem nilai tradisional yang membahaskan perilaku manusia dan pengetahuan sains moden yang mengkaji hukum-hukum alam tabii (Mohd Zuhdi, Amer Saifude, 2002; Jaffar, Hassan & Muhamad, 2010).

Perilaku manusia yang mementingkan interaksi secara lestari dengan alam mampu memastikan kelangsungan alam pada masa hadapan. Manusia merupakan komponen biosfera yang berkemampuan untuk melindungi alam walaupun mempunyai pelbagai keperluan dan

kepentingan. Etika menjadi garis panduan ketika berinteraksi dengan alam. Kajian ini menggunakan analisis teks tiga buah novel Jong Chian Lai iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988) dan *Suara dari Rimba* (2008) untuk meneliti interaksi yang wujud antara masyarakat pribumi dan alam sekitar.

Masyarakat Pribumi dan Alam Sekitar

Terdapat lebih kurang 300 juta orang pribumi berselerak di 70 buah negara (Hood Salleh, 2004). Komuniti pribumi di kebanyakan negara telah menetap di kawasan tanah tradisi mereka sejak zaman lampau, sebelum kehadiran komuniti lain di negara berkenaan. Budaya mereka telah teradun dan terikat kepada tanah termasuk keterikatan agama mereka kepada bumi (Ma'rof Redzuan & Mohd Taufiq Mahmud, 2008). Terdapat 6 ciri perlu dipenuhi untuk digelar sebagai kaum pribumi, walau bagaimanapun, Benjamin (2015) berpendapat bahawa istilah "pribumi" adalah istilah yang baru dicipta serta tidak menggambarkan makna sebenar kelompok yang dilabelkan tersebut. Dalam hal ini, beliau mencadangkan diguna perkataan "*indigenusness*", yang mempunyai sejarah yang lebih tua daripada istilah "pribumi."

Konsep "*indigenous people*" menurut PBB (2009: 6) merujuk kepada masyarakat asal sesebuah negara yang dipinggirkan dengan penjajahan, iaitu kuasa penjajah menjadi lebih dominan. Walau bagaimanapun, definisi ini hanya sesuai kepada beberapa negara seperti Amerika, Rusia, Artik dan negara-negara di Pasifik, tetapi tidak menepati untuk digunakan di beberapa negara di Asia dan Afrika kerana kuasa-kuasa penjajah tidak menggantikan keseluruhan populasi rakyat dan menggantikan mereka dengan keturunan peneroka Eropah. Konsep yang diperkenalkan PBB ini adalah mengenai "penjajahan" dan "kolonialisasi" secara berterusan sehingga kini dengan masyarakat tempatan dipinggirkan. Di Malaysia, "*indigenous people*" merujuk kepada istilah yang bermaksud "bumiputera", yang telah digunakan selama beberapa dekad untuk melabelkan penduduk tertentu. Di Semenanjung Malaysia, bumiputera merujuk kepada orang Melayu, iaitu penduduk yang telah lama berasimilasi, manakala di Sabah dan Sarawak, digelar masyarakat natif terutama kepada golongan bukan Islam (Benjamin, 2015).

Istilah pribumi pula bermaksud "penduduk asli", Orang Asal dan juga bumiputera (Kamus Inggeris Dewan, 1964), manakala Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (2002: 1418) mentaktifkan pribumi sebagai penduduk asal. Menurut Hasan Mat Nor (1998), masyarakat pribumi di Malaysia terdiri daripada dua kelompok iaitu bumiputera dan Orang Asli (di Semenanjung). Berdasarkan pelbagai konsep ini, artikel ini menggunakan istilah "pribumi" bagi mentakrifkan kumpulan etnik tempatan di Sarawak.

Seksyen 3 dalam *Sarawak Interpretation Ordinance* mengatakan bahawa "masyarakat asli" (native) di Sarawak adalah: "*a citizen of Malaysia of any race which is now considered to be indigenous to Sarawak as set out in the schedule*". Mengikut tafsiran ordinan ini, kaum-kaum pribumi dan sebarang campuran di antara satu sama lain ("any admixture of them with one another") merupakan masyarakat asli (Bala, 1993; Ahmad Nidzamudin Sulaiman, 1994). Berdasarkan ordinan ini, istilah "Iban" serta "Bidayuh" tidak termasuk dalam "tafsiran masyarakat asli" walaupun kedua-dua kaum ini merupakan masyarakat asli Sarawak berdasarkan perkara 2 Adat Bidayuh Order 1994 yang mengatakan "*For the purpose of this Order, the term "Bidayuh" means the native of Sarawak referred to as Land Dayak in the Schedule to the Interpretation Ordinance*" dan Seksyen 1, Jadual Kedua *Adat Iban Order 1993* yang menyatakan "*Iban" means Dayak (Sea) as defined in the Interpretation Ordinance, Cap. 1, Vol. I of the Laws*

of Sarawak, 1958". Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang tafsiran "masyarakat asli" di Sarawak, namun demikian tulisan ini mentafsirkan "masyarakat asli Sarawak" adalah menurut tafsiran ketiga-tiga sumber ini iaitu, *Sarawak Interpretation Ordinance, Adat Bidayuh Order 1994* dan *Adat Iban Order 1993*. Gabungan ketiga-tiga undang-undang adat di peringkat negeri Sarawak ini menepati pengertian pribumi melalui prinsip penduduk asal, bumiputera dan kelompok natif seperti ditakrifkan.

Mereka mendiami hulu sungai, iaitu "*upriver people*", merupakan penduduk asli yang tinggal di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman negeri Sarawak, khususnya di Baram, Kapit, Trusan, Limbang dan Belaga. Golongan Orang Ulu di Sarawak meliputi 5.5 peratus daripada populasi penduduk, majoriti menganut Kristian, tetapi masih terdapat dalam kalangan mereka mengamalkan kepercayaan tradisi nenek moyang (Ahmad Nidzamudin, 1994; Aiken & Leigh, 2015). Kebanyakan daripada komuniti Dayak mengamalkan pertanian pindah (Rachagan, 1998). Masyarakat pribumi mempunyai hubungan yang erat dengan alam sekitar yang didiami diterjemahkan dalam pelbagai bentuk kepercayaan, pantang larang dan peraturan. Kepatuhan terhadap semua peraturan dalam masyarakat menyerlahkan tentang penghayatan etika alam sekitar menurut perspektif pribumi tanpa dipengaruhi unsur luar.

INTERAKSI MASYARAKAT PRIBUMI DAN ALAM DALAM NOVEL

Istilah pribumi merujuk kepada tahap budaya yang tercicir, iaitu keadaan sosial sekelompok manusia yang serba kekurangan dalam bidang ilmu, terutamanya dalam bidang sains asas dan teknologi. Masyarakat pribumi dikatakan daif kerana tidak berfikiran saintifik. Kedaiifan dalam bidang itu memberi impak menyeluruh. Walaupun begitu, mereka sebenarnya mempunyai pendedahan dan pengetahuan yang tinggi tentang alam sekitar berasaskan pengetahuan empiris dalam dunia lingkungan hidup yang bersifat fungsional, iaitu bersifat sains dan gunaan (Hood Salleh, 2004; Benjamin, 2015). Kemahiran ini membantu mereka memenuhi keperluan asas. Anak-anak dilatih sejak kecil untuk menguasai ilmu berburu, mengenali pelbagai tumbuhan hutan kegunaan seharian, menangkap ikan, meramu buah-buah hutan, membuat sendiri segala keperluan kehidupan seperti pondok kediaman, senjata perburuan dan sebagainya. Masyarakat pribumi menguasai kemahiran seumpama ini bagi memenuhi segala keperluan hidup. Dalam hal ini, mereka bergantung sepenuhnya kepada alam sekeliling. Hutan merupakan persekitaran (ekologi) masyarakat pribumi, perpindahan daripada persekitaran hutan boleh menyebabkan masalah dalam penyesuaian hidup mereka (Ma'rof Redzuan & Zahid Emby, 2008; Andre, 2012).

Tanah dan hutan adalah dasar kehidupan masyarakat pribumi. Hutan bukan sahaja tempat tinggal bagi tumbuhan dan haiwan, malah juga kepada manusia. Amalan tradisi dan kepercayaan spiritual yang paling dijaga dalam kehidupan mereka adalah berpusatkan kepada hubungan dengan tanah. Komuniti pribumi yang mendiami kawasan pedalaman telah mengembangkan adat dan budaya mereka yang dinamik terutama berkaitan pegangan dan hubungan sesama manusia dan persekitaran. Adat yang diguna pakai dan diperturunkan ini mengandungi peraturan dan prinsip yang sah bagi memastikan hubungan langsung antara tanah dan hutan dalam komuniti berkenaan. Sistem tradisional ini mudah dikikis apabila muncul undang-undang baru dan proses pembangunan, umpamanya, hak milik dan guna tanah populasi pribumi telah diceroboh dan dihapus sedikit demi sedikit (Rachagan, 1998; Mohamed & Masron, 2014).

Hutan dan alam semula jadi dalam ketiga-tiga novel kajian telah digambarkan sebagai

satu bentuk penciptaan semula jadi yang indah, menenangkan, terisi dengan keajaiban. Semua ini digambarkan pengarang ini secara terus seperti petikan di bawah;

Bising lotong sahut-menyahut mengimbau dari jauh, dari arah hulu sungai Batang Layar. Di atas, tupai-tupai girang melompat di ranting-ranting, terjun ke cabang pokok embawang. Kemudian pantas berlari berkejaran bila terkejut disergah kedatangan seseorang di bawah. Tupai pun menghilang di dalam rimbunan daun hijau pokok empetir. Terus menikus tidak bunyi-bunyi lagi di sarang di puncak pokok itu. Beberapa ekor monyet lari lintang-pukang melihat gelagat tupai yang lari ketakutan itu. Bising monyet deras membingitkan hutan hijau dan unggas serta mergastua di situ pantas menyorokkan diri pada tempat yang terlindung. Lalu bising itu semakin menjauh. Kemudian hilang ditelan jarak. Cuma burung tiung, ketupong, gagak rimba dan kenyalang melintas cepat di puncak meranti. Ada juga yang berani melintas laju di bawah. Kemudian menghilang di celah-celah pokok mara bara, bertenggek di akar tenggang yang bergayutan dari dahan pokok merbung berjuntai ke bawah, juga di akar basung yang merayap pada perdu pokok mara gantung. Hutan menghijau tidak begitu jelas. Samar-samar.

(Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga, 1990:2)

Perincian ini menyerlahkan tentang interaksi yang harmoni antara alam semula jadi yang terdiri daripada flora dan fauna selain alam sekitar fizikal. Petikan ini adalah gambaran awal tentang keindahan kawasan yang didiami masyarakat pribumi Sarawak sebelum berlaku pencerobohan hutan dan penyahhutan daripada aktiviti pembalakan. Gangguan terhadap alam semula jadi ini berlaku ekoran pelanggaran etika alam sekitar dalam satu interaksi yang songsang. Kerakusan aktiviti pembalakan menyebabkan timbul impak terhadap alam sekitar, berbanding interaksi yang diamalkan masyarakat pribumi dengan persekitaran yang mereka diami. Dengan itu, kajian ini akan melihat interaksi yang diamalkan masyarakat pribumi dari sudut interaksi mereka dengan alam, pencipta dan roh, dan interaksi yang wujud sesama manusia lain. Tulisan ini juga turut mengupas tentang penentangan pribumi terhadap gangguan alam sekitar yang dilakukan masyarakat setempat terutama apabila melibatkan Hak Tanah Adat (NCR: Native Customary Rights), usaha menghalang pemusnahan hutan dan menuntut kemajuan pembangunan seperti warganegara yang lain.

Interaksi antara masyarakat pribumi dan alam telah membentuk satu hubungan yang harmoni. Mereka sangat menghormati alam sekeliling dan menentang pencerobohan, kemusnahan alam sekitar serta eksploitasi tanpa batasan dengan harapan meneruskan interaksi bersifat lestari. Alam menjadi inspirasi utama kepada ramai pengarang dunia termasuk Jong Chian Lai, mengetengahkan alam sekitar Sarawak yang penuh dengan warna tempatan dalam setiap novel yang dihasilkan. Penentangan yang berlaku sama ada di dunia nyata atau di dalam karya menyerlahkan pemberontakan dan protes walaupun hakikatnya mereka juga mahukan pembangunan. Pribumi mengharapkan satu bentuk hubungan yang beretika demi mewujudkan alam sekitar bersifat lestari.

Pribumi dan Alam

Orang Asli atau masyarakat pribumi dikenali sebagai masyarakat yang bergantung hidup kepada hutan dan persekitaran semula jadi luar bandar dengan menjalani kegiatan ekonomi sara diri seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan serta menangkap ikan (Ramle Abdullah, 2008; Ma'Rof Redzuan & Zahid Emby, 2008). Kaum Penan telah mengamalkan cara hidup tradisional secara berpindah-randah memburu binatang dan memungut

hasil-hasil hutan di pedalaman Borneo, sangat berpengetahuan dan berpengalaman tentang hutan sebagai jiwa dan sumber kehidupan (Lin, 2008). Pada mereka, hutan adalah satu-satunya rumah, tanpanya, mereka akan mati (Rachagan, 1998). Walaupun penempatan mereka sentiasa berpindah, namun mereka tetap menjalin hubungan erat dengan tanah serta mengekalkan wilayah yang sama untuk generasi berturutan. Mutakhir ini, hanya tiga peratus sahaja masyarakat Penan hidup secara nomad di dalam hutan Sarawak, beberapa kelompok kaum Penan lain telah memilih cara hidup secara tetap dan bercucuk tanam. Sungguhpun begitu, mereka masih bergantung kepada hutan untuk mencari hasil buruan, bahan-bahan untuk membuat kraftangan dan lain-lain kegunaan (Lin, 2008; Mohamed & Masron, 2014). Watak Ungging dalam novel *Pindah* adalah seorang Penan yang “rajin berhuma, kuat berkebun lada, cekap berburu dan berani pula” (Pindah; 39). Tubuhnya yang tegap membuktikan keupayaannya bekerja. Hutan menjadi punca rezekinya yang lumayan seperti diceritakan dalam ayat “Setiap kali dia turun ke hutan, pasti tidak jauh nasibnya membawa pulang rusa, pelanduk ataupun babi hutan. Kalau berburu waktu siang pasti seekor dua lotong, monyet, seekor dua burung empuna, segayan ataupun imbok terpanggul di bahunya ketika pulang” (Pindah, 1988; 75).

Kebanyakan keperluan hidup mereka diperoleh daripada hutan dan sungai atau melalui aktiviti pertanian pindah. Bagi mereka “Hutan ni sekolah mereka, binatang, pokok, *lamin*, sungai, gunung, burung dan semua dalam hutan bagi mereka pelajaran” (*Suara dari Rimba*, 2008; 350). Hutan menyediakan kemudahan “Tumbuh-tumbuhan hidup subur segar. Burung pun turut membiak. Pokok-pokok semakin membesar; uratnya mencengkam tanah; tanah menapis air hujan yang mengalir ke sungai; ikan pun membiak dan segala-galanya saling bantu-membantu dalam rimba ini. Along Sega mempunyai masa hadapan dalam rimba ini!” (ibid, hal. 347). Nilai hutan kepada masyarakat ini terlalu besar dan diumpamakan sebagai stor makanan. Petikan berikut menyerlahkan tentang kepentingan hutan kepada mereka, iaitu;

“Hutan ni...rumah kami, stor makanan, stor pelbagai dan hospital kami. Kalau kami sakit kepala, demam, luka atau dipatuk ular, doktor sentiasa ada dalam hutan ni. Macam di bandar juga. *Nyak kapak awak* seperti *buhau getimang*, *telikud* dan *tanan ga*. Kalau nak musnahkan hutan ni, baik juga musnahkan hospital dan kedai kamu pada masa yang sama .”

(*Suara dari Rimba*, 2008: 346)

Keakraban masyarakat pribumi dengan hutan memberi pengaruh yang besar dalam kehidupan dan menjadikan mereka mahir tentang ilmu alam sekitar. Segala kemahiran berkaitan dunia hutan seperti berburu, meramu dan menangkap ikan telah dilatih sejak kecil bagi memenuhi keperluan masa hadapan dalam hidup mereka. Mereka percaya bahawa segala keperluan dan kebergantungan dengan hutan akan berterusan hingga generasi seterusnya sehingga mendorong penekanan terhadap keperluan mempelajari segala ilmu memburu dan pengetahuan tentang tumbuh-tumbuhan serta ubat-ubatan terhadap anak-anak. Mereka bukan sahaja menggunakan hasil hutan untuk memenuhi keperluan asas tetapi juga menjualnya untuk mendapatkan wang bagi memenuhi keperluan yang lain (Ma’Rof Redzuan & Zahid Emby, 2008; Andre, 2012). Mereka juga beranggapan hutan yang didiami akan sentiasa memenuhi keperluan hidup walaupun hakikatnya semua itu akan berubah apabila kawasan hutan mula diceroboh. Anggapan berkenaan diterjemahkan pengarang seperti dalam novel *Pindah* (1988; 17) dan petikan berikut;

“Aku dah lama tinggal dalam hutan ni. Kalau jalan sehari boleh dapat babi hutan, pelanduk dan rusa. Kalau menyelam sejam dapat sepikul ikan. Kalau rajin dapat buah-buahan. Orang yang boleh lapar dalam hutan ni, tentunya mereka yang telah

dipengaruhinya.” Merah wajah kedua-dua pengikut Brueno Mansel itu.

(Suara dari Rimba, 2008;251)

Lama kelamaan, masyarakat pribumi mula menyedari bahawa pembangunan turut membawa pelbagai ancaman terhadap kehidupan. Pembinaan empangan umpamanya, menyebabkan kelestarian sosial masyarakat pribumi terganggu dari sudut cara hidup, kehilangan budaya, identiti, memori kehidupan lama dan amalan serta kepercayaan (Andre, 2012). Sekalipun mereka begitu ingin mempertahankan kelangsungan hutan yang didiami, namun pada masa yang sama mereka perlu akur dengan kehendak pembangunan. Dalam novel *Pindah* (1988) Jong Chian Lai mengutarakan watak Ungging yang menentang pembinaan empangan hidro kerana beberapa sebab, iaitu;

- i. Ungging melihat rumah panjang dan empangan dibina oleh orang Jepun.
- ii. Penduduk yang berpindah membudayakan cara hidup baru bertentangan dengan cara hidup lama orang Iban.
- iii. Tuai Rumah menerima rasuah/tidak jujur ketika urusan pampasan.
- iv. Dia dituduh gila apabila menentang kemajuan dan kesenangan.
- v. Ungging disisihkan oleh anak isterinya sendiri.
- vi. Penduduk boros dan bongkak setelah kehidupan mereka berubah.
- vii. Berlaku kerosakan budaya yang sebelum ini terkenal dengan sifat mesra dan harmoni.

Kisah dalam novel ini berlaku ketika pembinaan empangan hidro Batang Ai. Empangan Hidro Elektik Batang Ai merupakan kawasan empangan kedua terbesar di Negeri Sarawak selepas Bakun (kira-kira 21,000 ekar) yang terletak di Daerah Lubok Antu dalam bahagian Sri Aman. Empangan ini berfungsi membekalkan tenaga elektrik kepada penduduk di Sarawak, menjadi pusat pelancongan dan sumber bekalan air kepada penduduk khususnya di Daerah Lubok Antu dan mengurangkan risiko banjir bagi kawasan berhampiran. Pembinaan empangan akan menenggelamkan kawasan yang luas bergantung kepada kapasiti takungan yang diperlukan. Penduduk perlu dipindahkan selain berlaku kerosakan kepada infrastruktur dan berlaku kepupusan pelbagai spesies flora serta fauna. Pembinaan empangan ini memerlukan sebanyak 26 buah rumah panjang (kira-kira 418 keluarga) dipindahkan ke kawasan penempatan semula penduduk (Oh, Chua, & Goh, 2011; Sovacool & Bulan, 2011; Andre, 2012). Bagi pencinta alam, setiap lokasi itu mempunyai keunikan yang tersendiri, khususnya hutan tropika. Walaupun spesies flora dan fauna dipindahkan ke kawasan lain, namun kewujudannya tidak akan sama dengan lokasi asal, bahkan mungkin akan pupus sama sekali (Zaini Ujang, 2009). Kesedaran tentang kemerosotan biodiversity yang akan berlaku apabila empangan ini siap telah diterjemahkan penulis ini seperti berikut;

Pokok bukannya senang hendak dihidupkan lagi. Sampai ke anak cucu-cicit pun payah lihat ia tumbuh menghijau seperti sekarang. Sekarang haruskah manusia bertanggungjawab duduk goyang kaki mendiamkan diri? Sudah sampai masanya pokok itu terancam. Kehijauannya hilang. Tidak ada lagi. Malah kering menjadi humas di tanah kuning.

(Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga, 1990:162)

Berdasarkan petikan ini, pengarang cuba menitipkan mesej tentang kepentingan biodiversity dalam karya dengan menyerlahkan kesan yang perlu ditanggung akibat penenggelaman hutan untuk pembinaan empangan. Teori Darwin menjelaskan bahawa kepelbagaian spesies yang wujud di sesuatu lokasi itu merupakan ekologi yang paling seimbang menerusi suatu hubungan simbiosis setelah mengalami persaingan untuk hidup (*survival of the*

fittest). Jika berlaku anjakan atau perubahan, maka keseimbangan ekosistem turut berubah dan memerlukan puluhan tahun untuk sampai ke tahap keseimbangan yang baru (Zaini Ujang, 2009; Andre, 2012). Berdasar petikan ini juga ditonjolkan tentang keakraban antara masyarakat pribumi dan alam yang sentiasa berinteraksi sebaiknya dengan persekitaran yang didiami, mengelakkan berlaku kerosakan dan menentang pencerobohan tanpa batasan.

Interaksi antara Pribumi, Pencipta dan Roh

Masyarakat pribumi tinggal di kawasan persekitaran hutan yang masih kuat berpegang kepada nilai dan kepercayaan tentang alam sekitar yang menjadi sumber serta panduan dalam kehidupan mereka. Hutan dan alam semula jadi ini bukan sahaja mempengaruhi cara hidup, tetapi juga mempengaruhi nilai, kepercayaan dan norma. Bagi mereka, hutan bukan sahaja didiami haiwan dan manusia tetapi juga oleh makhluk lain yang dapat mempengaruhi kehidupan mereka (Ma'Rof Redzuan & Zahid Emby, 2008; Mohamed & Masron, 2014). Alam pribumi terkandung pelbagai jenis semangat, selain semangat cintakan bumi itu sendiri. Sejak kecil, mereka telah ditanamkan dengan unsur-unsur yang terhimpun sebagai perjanjian dengan alam yang membekalkan rezeki. Perjanjian dengan alam juga melibatkan falsafah yang khusus terhadap fauna. Kesenambungan alam fauna dengan manusia dipertahankan pada peringkat simbolik kerana fauna itu ada manifestasi manusianya, menyebabkan ia tidak wajar dibunuh. Haiwan-haiwan tertentu dibunuh kerana dagingnya diperlukan untuk menyara hidup (Hood Salleh, 2004).

Suara dari Rimba (2008) telah menyatakan falsafah alam yang besar dalam bentuk perumpamaan. Dari sudut alam sekitar, kepercayaan dan pegangan masyarakat pribumi ini akan mendorong mereka berinteraksi secara harmoni dengan alam semula jadi berasaskan keyakinan bahawa interaksi yang tidak beretika dengan alam akan mengakibatkan kemarahan kuasa tuhan yang mereka sembah. Ini dijelaskan melalui petikan berikut;

Tanah ni juga dicipta Tuhan dan tak tahu bercakap dengan manusia. Binatang pun begitu, tak boleh bercakap sesama sendiri dan kami tak faham bahasa binatang itu. Kalau pokok ditumbangkan, ada getah keluar; itu darahnya. Tanah ni macam mak dan bapak kami. Kalau perintah bagi kuasa pada kompeni untuk menceroboh kawasan ni, baik saja kepala kami dipancung. Kalau traktor musnahkan tanah ni, awak nampak darah dan tulang-temulangnya sekalipun ia tak boleh bercakap. Ada kuli yang pecah kepala, patah tulang. Awak tentu faham. Tanah ni yang marah. Ia menjerit, "Jangan bunuh aku!"

(*Suara dari Rimba*, 2008: 343)

Elemen budaya bukan kebendaan seperti nilai, norma masyarakat pribumi berada pada tahap yang tinggi walaupun mereka menerima budaya material daripada masyarakat arus perdana. Mereka beranggapan "Kami Orang Asli, cara hidup kami masih asli, masih asal" walaupun agama anisme tidak diamalkan sepenuhnya (Ma'Rof Redzuan & Abdul Razak Abd. Rahman, 2008). Mereka memanfaatkan pelbagai jenis flora dan fauna, serta benda-benda bukan hidup dan segala macam unsur alam yang lain seperti bunyi-bunyian hidupan hutan, kilat, guruh dan hujan sebagai simbol yang membawa erti dalam kehidupan seharian mereka (Hanina H. Hamsan, Asnarulhadi Abu Samah, 2008). Kepelbagaian unsur ini banyak menentukan corak hidup seharian mereka. Tindak tanduk haiwan seperti "burung helang yang tiba-tiba terbang dengan riuhnya kerana takutkan sesuatu itu menunjukkan tanda-tanda buruk" (*Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, 1990: 171) dan "burung ketupong belum bersiul dua kali" (halaman 24) mempunyai makna yang tersendiri, seperti juga petikan di bawah;

Seekor burung helang terbang cepat dari dahan engkabang. Bunyinya agak kuat. Burung itu takutkan sesuatu. Dan Jabau merasa itu tanda-tanda yang tidak baik buatnya. Hatinya mula risau. Terasa ada sesuatu berlaku di Nanga Tiga. Tapi dia meneruskan kerjanya juga. Tidak mengendahkan langsung tanda-tanda itu. Tapi tentu ada kebenarannya, fakir Jabau. Darahnya naik gemuruh. Hatinya tidak sedap. Jabau berhenti mengikat rotan pada buluh di atas bumbung. Kemudian dia melingas-lingas ke hujung anak sungai kecil itu. Tidak kelihatan apa-apa yang ganjil.

(*Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, 1990: 168)

Masyarakat Penan merasa sangat kecewa, marah dan takut dengan kesan pembangunan yang berlangsung. Perasaan berkenaan wujud setelah mereka kehilangan sumber kekayaan daripada persekitaran semula jadi yang pernah dimiliki sebelum ini. Mereka juga takut kerosakan persekitaran akan menimbulkan kemarahan kuasa *supernatural* (tuhan). Sungguhpun mereka mempercayai biodiversiti dari persekitaran semula jadi dijadikan tuhan untuk kegunaan dan kemudahan manusia, tetapi pada masa yang sama tuhan melarang penggunaannya secara berlebihan sehingga mengakibatkan kemusnahan. Mereka percaya bahawa manusia yang melanggar larangan akan dicela (dihukum), iaitu mereka akan diturunkan petaka alam seperti ribut, banjir dan mungkin juga penyakit yang begitu menyiksakan dan boleh membawa kematian. Walaupun kesalahan berkenaan dilakukan oleh masyarakat luar, tetapi kebimbangan mereka terhadap petaka yang diturunkan tuhan turut menimpa kaum mereka (Ramle Abdullah, 2008). Keengganan Apai Kertau sebagai Tuai rumah panjang menghentikan pembalakan di kawasan mereka dikatakan menjadi punca kemarahan penunggu hutan. Sekalipun upacara miring telah dilakukan agar perkara tersebut tidak berlaku, Atot telah menjadi mangsa apabila dihempap batang balak yang tumbang. Kejadian ini membuatkan Jabau rasa gembira. Dia merasakan perjuangannya mempertahankan kehijauan hutan turut direstui tuhan (*Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, 1990; 113).

Hutan adalah dispensari yang membekalkan ubat-ubatan yang diperolehi daripada daun, akar dan buah-buahan tumbuhan semula jadi (Hanina H. Hamsan & Asnarulkhadi Abu Samah, 2008). Melanggar pantang larang akan mengakibatkan mala petaka (kecelakaan) seperti sakit, cedera dan mati. Mereka mempercayai bahawa “Hutan ini hantu hutan yang punya. Dan tanah ini hantu tanah yang punya. Bukan hak orang hutan. Kami tak ‘kan tolol serah begitu. Kalau orang hutan ‘ndak sangat, bunuh kami semua dulu” (*Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, 1990; 40). Kesukaran yang dialami di kawasan yang mereka diami berpunca daripada “tiada restu” daripada dewa menyebabkan “tanaman mereka didatangi penyakit sepanjang tahun” (halaman 38). Situasi itu disebabkan “dewa marah” sehingga mereka semua mendapat susah kerana “ditegur dewa” (halaman 199). Kepercayaan sebegini mendorong mereka berinteraksi secara berhemah dengan persekitaran, tidak merosakkan alam dan menggunakan sumber alam secara wajar. Ketakutan terhadap kuasa-kuasa alam ini juga mendorong mereka melakukan pelbagai jenis upacara dan amalan tradisional.

Kepercayaan dan upacara ini berkait rapat dengan hutan, alam semula jadi dan makhluk halus yang dipercayai mendiami kawasan hutan. Walaupun telah berpindah ke kawasan yang telah dimajukan, mereka tidak meninggalkan kepercayaan lama (Ma’Rof Redzuan & Zahid Emby, 2008; Bryan, 2009; Sillitoe & Marzano, 2009). Mereka takut kepada hutan rimba sebagai satu ruang yang misteri (kadangkala dipenuhi oleh lambang dan mambang ghaib dan rayip), iaitu khuatir akan dilakukan sesuatu kepada manusia yang kurang tahu tentang alam (Hood Salleh, 2004). Ketakutan berkenaan menyebabkan mereka melakukan pelbagai bentuk upacara seperti miring yang bermaksud menjauhi bala dan memohon perlindungan dari roh, dewa atau

tuhan. Upacara sebegini dilakukan apabila mereka masuk ke rumah baru, memulakan apa-apa pekerjaan dan memohon keizinan roh atau dewa dalam upacara tolak bala. Upacara miring ini telah dikemukakan Jong Chian Lai secara terperinci dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (halaman 141 hingga 154). Novel yang sama turut memaparkan tentang beberapa perkara lain yang melibatkan kepercayaan masyarakat pribumi seperti kepercayaan meletakkan patung berupa kepala manusia di tangga rumah dapat menghalau hantu (halaman 45 dan 79) dan menghormati keputusan Tuai Rumah sebagai peneraju adat (halaman 77). Rumah panjang juga perlu didirikan mengikut adat, pantang larang dan dibacakan mentera tertentu semasa proses membinanya bagi mengelakkan berlaku perkara yang tidak diingini seperti dinyatakan dalam petikan berikut;

Rumah panjang baru tidak didirikan mengikut adat pantang larang dan tidak dibacakan mantera atau serapah. Rumah itu telah dibangunkan mengikut kehendak kontraktor memacakkan tiang. Sepatutnya tiang rumah ketua dihunjam dulu, kemudian menyusuli bilik anak buahnya yang lain. Ini tidak. Semuanya dibina sama saja. Adat turun-temurun begitu tidak boleh dihapuskan dari masyarakat. Mereka sudah lupa adat-adat itu mendatangkan kerukunan kepada keluarga di dalam rumah panjang. Atau sengaja mereka singkirkan adat mereka itu.

(*Pindah*, 1988: 29)

Salah satu perkara yang sangat dihormati dalam masyarakat pribumi adalah kawasan perkuburan, sehingga menimbulkan kemarahan apabila kawasan perkuburan nenek moyang mereka diganggu. Terdapat beberapa kes di negeri Sarawak yang melibatkan pengambilalihan tanah termasuk tanah perkuburan masyarakat pribumi untuk pelbagai projek pembangunan seperti pertanian dan pembinaan empangan. Bagi masyarakat adat, kawasan-kawasan di bawah hak adat merangkumi semua kawasan-kawasan di mana hak diperolehi mengikut undang-undang adat termasuk tanah ladang dan kebun, tapak perkuburan, kawasan keramat moyang, hutan simpan masyarakat dan hutan sekeliling yang digunakan untuk kelanjutan kegiatan-kegiatan sara hidup (Lin, 2008; Mohd Syafiq Akmal & Azima Abdul Manaf, 2014). Meluasnya kejadian pengambilalihan kawasan perkuburan masyarakat pribumi yang dimusnahkan kerana urusan pemodenan dan pembangunan memberi peluang kepada Jong Chian Lai menyuarakan kebimbangan berkenaan dalam novel *Suara dari Rimba* (2008). Walaupun dialog “*Apa guna ambil gambar di sini. Bagus lagi ambil gambar hutan yang musnah, kawasan kubur yang dibuat jalan balak,*” (*Suara dari Rimba*, 2008; 332), hanyalah satu ucapan sinis dari penghuni rimba kepada seorang wartawan berpengaruh seperti James Rich, namun bagi masyarakat pribumi, kawasan tanah perkuburan merupakan antara elemen penting dalam budaya mereka.

Ringkasnya, ketakutan terhadap alam yang menghantui masyarakat pribumi telah mendorong mereka bertindak secara bertertib dan menghormati alam sekeliling. Penghormatan ini diserlahkan melalui pelbagai pantang larang yang diamalkan, upacara-upacara, petua, pemujaan dan sebagainya menjelaskan tentang ketaksuban mereka terhadap alam. Merosakkan alam sama maknanya seperti membangkitkan kemarahan kuasa *supernatural* yang mereka hormati. Kemarahan itu pula boleh menyebabkan mereka bakal dihukum dan terkena sumpahan, tulah, bencana, kemusnahan, kesengsaraan, malah kematian juga. Kemarahan nenek moyang yang telah meninggal dunia juga dielakkan daripada berlaku. Ini menyebabkan mereka menjaga dan menghormati kawasan perkuburan dan keramat turun temurun. Ketakutan, ketaksuban dan penghormatan yang berlebih-lebihan telah mendorong masyarakat pribumi agar berinteraksi secara lestari dengan persekitaran; bermakna juga, kelangsungan persekitaran akan sentiasa

terjaga. Kemusnahan alam sekitar dapat dielakkan.

Interaksi antara Pribumi Sesama Manusia

Walaupun miskin, masyarakat pribumi termasuk dalam kalangan Orang Asli yang sukakan kehidupan yang aman dan mengelakkan berlaku pertelingkahan kebendaan dalam kehidupan mereka (Ma'rof Redzuan & Abdul Razak Abd. Rahman, 2008). Prinsip ini menyebabkan mereka lebih banyak mengalah. Apabila sesuatu kawasan telah diceroboh untuk aktiviti pertanian dan pembalakan, masyarakat pribumi seperti Penan dan Iban telah berpindah jauh ke dalam hutan kerana menghadapi kesukaran mendapatkan makanan. Kemosnahan mutu alam sekitar menyebabkan masyarakat pribumi berhadapan dengan kesukaran hidup. Ini dijelaskan dalam novel seperti petikan berikut;

“Inilah masanya untuk jadi manusia kasar. Mereka ceroboh hutan, ranapkan kubur, kotorkan sungai, ikan mati, burung terbang jauh, binatang lari jauh, jakah dan *uwut* tumbang. Mereka harus bertanggungjawab pada segala kemusnahan itu.” Along Sega yang bercakap setelah lama berbincang dengan Brueno Mansel serta beberapa orang yang berkumpul di situ.

(*Suara dari Rimba*, 2008: 390)

Namun, mereka sangat terpengaruh dengan kehadiran bangsa asing (Mat Salleh) kerana mereka selalunya menjadi pelindung yang berideologi lembut serta liberal. Ia dilihat sebagai pembebas kekejaman dalam alam mitos mahupun pada hari ini, dan hadir sebagai “wira” dari langit berurusan terus dengan kuasa besar alam. Mereka sering dilihat sebagai doktor yang membawa ubat dan penawar. Imejnya yang lembut tidak ganas, penaja cara-sikap kemanusiaan yang luar biasa itu menyebabkan golongan pribumi dapat menerimanya (Hood Salleh, 2004). Masyarakat pribumi begitu hormat kepada orang lain, terutama orang luar, menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan gesaan orang luar seperti aktivis Bruno Manser yang mendesak kaum pribumi menentang pihak kerajaan. Sokongan yang diterima di peringkat antarabangsa membuatkan mereka lebih yakin untuk meneruskan penentangan. Ini dibantu oleh persekitaran yang lebih mendesak keinginan itu seperti kemusnahan kawasan hutan untuk aktiviti pertanian dan pembalakan. Mereka juga melihat sifat tamak dan haloba masyarakat luar yang terkenal dengan ketamadunan yang tinggi, namun hilang sifat ketamadunan itu apabila berinteraksi dengan alam sekitar. Ini dipaparkan pengarang dalam novel *Suara dari Rimba* (2008) seperti ayat “Pekerja-pekerja balak tangkap ikan di Ba Magoh...berguni-guni dibawa balik. Mereka tangkap waktu ikan bertelur. Tiada tempat untuk ikan membiak” (halaman 323) dan ayat “Ikan mati kerana sungai kotor. Binatang lari. Kenapa perintah tak bincangkan dan ajar mereka? Kerajaan patut tarik balik lesen mereka. Kenapa dia tak bantu kami?” (halaman 349).

Pada peringkat awal, masyarakat ini tidak begitu menyedari tentang akibat yang perlu mereka hadapi apabila keseimbangan alam sekitar digugat. Namun, apabila aktiviti pembalakan, penebangan hutan dan pencerangan dilakukan secara meluas, mereka mula mengetahui kesan yang perlu didepani (Andre, 2012). Mereka terpaksa menerima hakikat tentang kemusnahan terhadap sumber alam, persekitaran yang didiami, kekayaan biodiversity dan ekologi di samping impak budaya seperti kekayaan elemen dalam cerita rakyat, lagenda, kepercayaan rakyat dan perubatan, lagu rakyat, peralatan dan permainan, hasil kraftangan tradisional dan teknologi berserta arkeologi yang terdapat di dalam sesuatu kawasan (Rachagan, 1998; Sovacool & Bulan, 2011). Ini dijelaskan dalam novel seperti berikut;

Memang pada tafsirannya sebelum ini, pembalakan tidak mendatangkan bencana, tetapi

semakin mendekati diri dengan situasi itu, keadaan yang dilihatnya amat menggerunkan. Hutan itu semakin botak, tanah semakin lapang, tumbuh-tumbuhan menjadi rosak, pokok-pokok kecil terhumban menyembah bumi, patah seperti ranting-ranting rapuh, paku-pakis yang dahulunya ranap mula tumbuh tetapi kehijauan dan kesegarannya pudar. Resah hati Kurau Kusin yang tinggal di daerah itu kerana pembalakan akan menjalar ke perkampungannya pada bila-bila masa sahaja.

(*Suara dari Rimba*, 2008: 26)

Pembangunan yang dijalankan di kawasan penempatan dan tanah adat yang mereka miliki telah menimbulkan konflik yang berlarutan sejak 1980-an lagi. Kaum Penan beranggapan bahawa pihak Kerajaan dan syarikat pembalakan gagal menghormati hak mereka ke atas tanah adat (NCR) serta sumber asli hutan. Syarikat pembalakan sering melaksanakan aktiviti pembalakan di kawasan penempatan dan sekitarnya tanpa perbincangan terlebih dahulu dengan wakil mereka. Keadaan ini menyusahkan kerana kawasan penempatan serta kawasan sekitarnya merupakan tanah tradisional dan nenek moyang mereka. Mereka bergantung kepada tanah tersebut untuk mata pencarian menurut tradisi mereka (Mohd Syafiq Akmal & Azima Abdul Manaf, 2014). Keadaan menjadi tegang apabila masyarakat pribumi bertindak menghalang dan menyekat aktiviti pembalakan kerana ingin melindungi hak tanah adat sehingga mengakibatkan beberapa orang Penan telah cedera, ditangkap dan dipenjarakan, malah situasi ini mendapat perhatian antarabangsa dan telah menjadi asas kepada *Anti-tropical Timber Campaign* di Eropah dan Amerika Syarikat pada tahun 1990-an. Kerajaan Negeri Sarawak menyatakan bahawa kaum Penan telah dipengaruhi oleh pihak tertentu dari luar negara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan Antarabangsa, terutama Bruno Manser yang dianggap sebagai seorang *environmentalist extremist* (SUHAKAM, 2002). Penulis menimbulkan anggapan ini dalam ayat “Kemudian dia menyebarkan deklarasinya tuntutan puak-puak Penan kepada Tabung Kehidupan Liar Sedunia. Bukankah dia mahu mempolitikkan perbincangan dalam kehidupan kaum Penan. Dia bukannya mahu melakukan penyelidikan dan kajian tentang hidupan liar, budaya, bahasa, kepercayaan, perubahan hasil dari rimba, kraftangan tetapi sebagai pengintip kepada NGO Barat” (*Suara dari Rimba*; 251). Konflik ini berterusan hingga kini menampakkan wujud penentangan dalam kalangan penduduk pribumi.

Penentangan Pribumi terhadap Gangguan Alam Sekitar

Masyarakat nomad merupakan masyarakat mewah pertama kerana alam sekitarnya mengandungi banyak bahan khazanah bernilai. Alam yang dimiliki pribumi adalah hak milik warga yang mendiami tempat itu, dan bersandarkan faktor inilah masyarakat pribumi memperolehi kewargaannya. Alam yang mereka miliki ini kemudiannya hilang, jatuh ke tangan orang lain, direbut dan dirampas oleh kuasa bukan pribumi. Proses rampasan kuasa itu dianggap sebagai peristiwa yang besar oleh warga pribumi itu (Hood Salleh, 2004; Benjamin, 2015). Hubungan Orang Asli, pribumi dan tanah amat penting dalam kelangsungan hidup mereka sehingga berlaku penentangan dan protes dalam kalangan mereka apabila melibatkan pampasan tanah. Pembangunan mengakibatkan kemusnahan hutan rimba yang luas, kerosakan kepada sungai dan kepupusan pelbagai spesies binatang merupakan sesuatu yang dikesali dan memberi kesan emosi kepada penduduk tempatan (Ramle Abdullah, 2008).

Terdapat tiga perkara yang sering mencetuskan penentangan dan tuntutan daripada masyarakat pribumi iaitu Hak Tanah Adat (NCR: *Native Customary Rights*), menghalang aktiviti pembukaan hutan seperti pembalakan dan perladangan berhampiran tempat kediaman mereka

dan hak untuk mendapat kemajuan seperti warganegara yang lain (Hood Salleh, 2004; Lee, 2014; Mohd Syafiq Akmal & Azima Abdul Manaf, 2014). Fahaman orang tempatan tentang hak NCR adalah hak yang meliputi tanah ladang, temuda dan wilayah pemakai menoa yang kesemuanya berguna untuk memburu, mencari ikan, memungut hasil, mendapat kayu balak dan bahan untuk pembinaan seperti rotan. Pemakai menoa lazimnya kawasan hutan rimba (Lin, 2008). Apabila berlaku pencerobohan terhadap hak tanah mereka, masyarakat pribumi akan menentang dan menuntut keadilan seperti yang berlaku kepada kaum Penan, Iban dan Dayak yang lain. Mereka telah melakukan sekatan agar aktiviti pembalakan tidak lagi boleh dilakukan sewenang-wenangnya, sekaligus menyelamatkan tanah adat mereka. Ini diterangkan secara panjang lebar Jong Chian Lai dalam novel *Suara dari Rimba* (2008) pada halaman 405, 464 dan 339. Pada halaman 339 umpamanya, pengarang menyatakan;

Industri pembalakan hanya memperkaya beberapa orang, melalui rasuah, ia memporak-perandakan komuniti terlibat, merendahkan kualiti hidup, mencemarkan air sungai, memusnahkan tanah, membunuh ikan dan binatang. Tidak logik orang Penan dan kaum lain hanya mendiamkan diri melihat kawasan dan hutan mereka dimusnahkan oleh jentolak Komatsu dan gergaji Stilt. Pada tahun 1983, orang Kenyah menentang, menyekat pembalakan di Belaga dan meruntuhkan jambatan. Kira-kira lapan puluh orang PFF diterbangkan ke kawasan itu dan lima puluh orang Kenyah ditahan, tiga orang cikgu dipecat dan Tuai rumah diberi amaran keras oleh pemerintah.

(*Suara dari Rimba*, 2008: 339)

Masalah alam sekitar yang berlaku banyak dikaitkan dengan penurunan kualiti alam sekitar di kawasan hulu yang dizahirkan kepada kualiti alam pada bahagian hilir. Peningkatan terhadap permintaan sumber alam ekoran pertumbuhan penduduk menyebabkan pengurangan kawasan hutan dan peningkatan kawasan pertanian di kawasan hilir sungai. Guna tanah di kawasan-kawasan ini cenderung menjadi lebih luas seiring dengan peningkatan kawasan pembangunan sehingga turut mengubah kawasan pertanian menjadi petempatan atau pembangunan lain (Brauman, Daily, Duarte, & Mooney, 2007; Malhi, et. al, 2014). Pertambahan jumlah penduduk juga telah mendorong peningkatan keperluan penduduk pribumi yang mendorong penggondolan kawasan hutan. Ini seterusnya mengubah iklim global dengan peningkatan hakisan, banjir dan kemarau.

Walaupun masyarakat pribumi seperti Penan mahukan pembangunan seiring dengan kemajuan kaum yang lain di Malaysia, namun keinginan berkenaan tidak diserlahkan secara radikal seperti mana menuntut hak tanah NCR dan menentang pembalakan tanpa kawalan di kawasan petempatan mereka. Keinginan itu tidaklah sehingga timbul kesedaran untuk mereka menyatakan deklaras, membuat piket atau melakukan sekatan. Mereka sedar melalui pelbagai kemudahan asas seperti sekolah, klinik dan corak hidup yang teratur mampu membentuk satu kehidupan masyarakat pribumi seperti kaum yang lain. Mereka juga mahu maju seperti kaum yang lain dan tidak terpinggir dari arus kemajuan (Andre, 2012; Lee, 2014; Mohd Syafiq & Azima Abdul Manaf, 2014). Semua keinginan ini dipaparkan pengarang dalam novel *Suara dari Rimba* contohnya pada halaman 122, 143 dan 164. Namun begitu, timbul juga keraguan dan konflik dalam kalangan mereka untuk mengubah cara hidup yang telah mereka jalani selama ini dengan satu bentuk kehidupan baru. Mereka akan mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan tempat dan cara hidup baru dari sudut sosial dan fizikal, tiada kebebasan menentukan tempat tinggal, keadaan hidup yang tidak teratur dan kesukaran membawa barang-barang apabila berpindah ke tempat baru. Berpindah ke kawasan baru juga sangat sukar bagi mereka dari segi ekonomi. Mereka terpaksa melupakan tempat tinggal asal yang telah

dusahakan dengan hasil dusun, tanaman dan petempatan yang telah dibina sejak nenek moyang dahulu (Ma'rof Redzuan, Zahid Emby, 2008). Kebimbangan ini antara lain dinyatakan dalam bentuk jenaka seperti petikan ini;

“Kau fikir kita boleh maju macam bangsa lain?” Tanya Beraok Beluluk yang lebih gemar tinggal dalam hutan daripada rumah panjang.

“Kalau kita maju sikit...kena ikut peraturan. Mahu berak juga ikut peraturan, mesti buat tandas...buat apa tahi tu?” kata-katanya itu mencuit hati Gerawat Megud.

“Awak takut nak berak dalam tandas? Semua orang buat macam tu,” tegas Gerawat Megud sambil tersengih.

“Yalah...tahi buat apa nak simpan.”

“Buat baja..” jelas Seliman Elon.

(*Suara dari Rimba*, 2008: 164)

Pihak kerajaan telah menyediakan rumah panjang moden yang lebih selesa, moden dan kukuh di kawasan petempatan baru apabila kawasan petempatan asal mereka diambil alih untuk pembinaan empangan, pembalakan, perladangan, pembinaan jalan raya dan sebagainya. Kerajaan negeri Sarawak menyediakan Penempatan Semula Sungai Asap apabila mengambil alih kawasan Bakun bagi pembinaan empangan. Penempatan ini selaras dengan usaha kerajaan untuk membangunkan negeri Sarawak dan memajukan masyarakat pribumi untuk dibangunkan dan ditingkatkan taraf hidup mereka secara lebih teratur (SUHAKAM, 2002; Oh, Chua & Goh, 2011; Sovacool & Bulan, 2011). Kemudahan berkenaan diperincikan kepada pembaca dalam Novel *Pindah* (1988) pada halaman 5, 6, 16, 17 dan 43, merangkumi semua kemudahan asas seperti rumah yang letaknya berhampiran dengan pekan, bekalan elektrik dan air bersih, jalan raya, dan pelbagai kemudahan lain (Andre, 2012; Brauman, Daily, Duarte, & Mooney, 2007; Malhi, et. al, 2014).

Masyarakat pribumi tidak membangkang semua jenis pembangunan. Yang penting bagi mereka adalah pencarian suatu model pembangunan yang menghormati hak-hak mereka terhadap tanah dan mengasaskan warisan sejarah, budaya dan cara hidup mereka, serta memberi hak untuk menentukan nasib atas tanah mereka sendiri (Sillitoe & Marzano, 2009). Penentangan dan protes hanya berlaku apabila alam yang mereka sanjungi telah tergugat. Anak-anak sungai yang mereka gunakan sebagai jalan pengangkutan, cucian dan sumber air minuman dipenuhi lumpur, tersumbat dan tercemar. Pembangunan menyebabkan tanah ladang yang mereka gunakan untuk bercucuk tanam telah dicerobohi. Perkuburan-perkuburan juga tidak dihormati dan sebaliknya dikelilingi oleh tanaman kelapa sawit (Lin, 2008; Andre, 2012).

KESIMPULAN

Masyarakat pribumi sangat beretika apabila berinteraksi dengan alam sekitar. Cara hidup seharian mereka penuh dengan elemen kasih sayang dan penghormatan terhadap alam. Mereka bukan sahaja menjadikan hutan dan alam semula jadi sebagai tempat tinggal yang aman tetapi juga bagi memperoleh sumber makanan, ubat-ubatan, air minuman dan semua keperluan hidup, selain menyerlahkan manifestasi amalan, kepercayaan dan pemujaan terhadap kuasa ghaib. Hubungan yang beretika antara masyarakat pribumi di Sarawak seperti Iban, Dayak, Penan dan lain-lain telah diketengahkan penulis Jong Chian Lai melalui tiga bentuk interaksi utama, iaitu, interaksi antara pribumi dan alam sekitar, antara pribumi dengan roh dan Tuhan, termasuk menghormati kawasan perkuburan nenek moyang mereka dan juga interaksi antara pribumi dan masyarakat luar yang lain.

Interaksi antara pribumi dan alam sekitar jelas memberi gambaran bagaimana golongan ini begitu menitikberatkan hubungan yang harmoni dengan persekitaran. Hal ini bukan sahaja kerana masyarakat pribumi ini perlu menjaga kelestarian persekitaran bagi menjamin kesinambungan hidup mereka, tetapi juga didorong oleh amalan, kepercayaan dan pegangan hidup masyarakat itu sendiri. Alam adalah sebahagian daripada kehidupan mereka, alam juga perlu dijaga supaya kuasa ghaib, roh, penunggu, dewa atau tuhan mereka tidak marah. Kemarahan kuasa-kuasa *supernatural* ini akan membawa bencana kepada mereka dalam pelbagai bentuk seperti banjir, kemarau, penyakit, atau kematian.

Walau bagaimanapun, masyarakat pribumi akan bangkit memberontak dan menyerlahkan protes mereka apabila hak tanah adat (NCR) telah dirampas dan kawasan perkuburan nenek moyang mereka sudah diceroboh dan dimusnahkan, manakala kawasan petempatan mereka pula tidak aman lagi. Protes ini tidak sahaja melalui beberapa sekatan jalan yang menghalang golongan pembalok memasuki kawasan pembalakan. Dalam situasi semasa, masyarakat pribumi tidak sekadar membuat protes di tengah rimba sahaja tetapi turut membuat tuntutan melalui beberapa deklarasi dan membawa kes-kes tertentu hingga ke mahkamah.

Masyarakat pribumi dahagakan pembangunan, kemajuan dan cara hidup moden yang selesa, namun pada masa yang sama mereka menuntut satu interaksi sosial yang harmoni dengan alam sekitar. Pembangunan yang tidak merosakkan alam sekitar serta menjaga kelangsungan hidup generasi akan datang agar turut memperoleh keseimbangan hidup sewajarnya dikenali sebagai pembangunan mampan. Pembangunan sebegini yang dituntut dan diingini masyarakat pribumi. Penentangan dan protes yang dilakukan masyarakat pribumi hanyalah satu tuntutan ke arah hidup lestari, bukannya menolak pembangunan.

RUJUKAN

- Abdullah Mohamad Said. 1999. *Pengurusan sumber dan alam sekitar*. Shah Alam: Institut Teknologi Mara.
- Abu Bakar Abdul Majeed, Abu Bakar Yang (peny.). 2000. *Pengurusan bijak alam sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Ahmad Nidzammuddin Sulaiman. 1994. *Pakatan dalam politik Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Hamsa. 2000. Program pembangunan mampan dalam Rancangan Malaysia ke Tujuh dlm. Abu Bakar Abdul Majeed, Abu Bakar Yang (peny.). *Pengurusan bijak alam sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 181-204.
- Amri Jamil. 2008. Peranan persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) dalam pembangunan Orang Asli dlm. Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill (ed.) *Orang Asli: isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 69-81.
- Andre, E. 2012. Beyond hydrology in the sustainability assessment of dams: A planners perspective—The Sarawak experience. *Journal of Hydrology*, 412, 246-255.
- Benjamin, G. 2015. Who gets to be called “indigenous”, and why?. keynote address (10 April 2015) at *International conference on access to justice for Indigenous People*, Centre for Malaysian Indigenous Studies (CMIS) and Faculty of Law University of Malaya, Kuala Lumpur, 9-11 April 2015.
- Brauman, K. A., Daily, G. C., Duarte, T. K. E., & Mooney, H. A. 2007. The nature and value of ecosystem services: an overview highlighting hydrologic services. *Annu. Rev. environ. resour.*, 32, 67-98.

- Bryan, J. 2009. Where would we be without them? Knowledge, space and power in indigenous politics. *Futures*, 41(1), 24-32.
- Colin Nicholas, Tijah Yok Chopil, Tiah Sabak. 2003. *Orang Asli women and the forest*. Subang Jaya: Center for Orang Asli Concerns.
- Hanina H. Hamsan, Asnarulkhadi Abu Samah. 2008. Kesihatan dan perubahan masyarakat Orang Asli dlm. Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill (ed.) *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 113-142.
- Hasan Mat Nor. 1998. Warga Pribumi menghadapi cabaran pembangunan. *kertas kadangkala* Bil. 8. Jabatan Antropologi & Sosiologi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hood Salleh. 2004. *Dunia Pribumi dan alam sekitar: langkah ke hadapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Komo. 2000. Antara tuntutan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar: suatu pertentangan? dlm. Abu Bakar Abdul Majeed, Abu Bakar Yang (peny.) *Pengurusan bijak alam sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 43-63.
- Jaffar, R., Hassan, M. S., & Muhamad, N. 2010. Peranan etika dalam pelaporan maklumat alam sekitar di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 31, 13-27.
- Jong Chian Lai. 1988. *Pindah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai. 1990. *Gugurnya langit hijau Nanga Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jong Chian Lai. 2006. Pengalaman dalam bidang penulisan novel dlm. *Sastera kebangsaan wadah pengucapan bersama*. Hamzah Hamdani (editor). Kuala Lumpur: Gapenaniaga Sdn. Bhd.
- Jong Chian Lai. 2008. *Suara dari imba*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris-Melayu Dewan*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. 2002. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Khairulmaini Osman Salleh. 2000. Peranan Malaysia dalam konteks pembangunan mampan dlm. Abu Bakar Abdul Majeed, Abu Bakar Yang (peny.) *Pengurusan bijak alam sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 153-177.
- Lee, W. C. (2014). Compensation valuation for the resettlement of the indigenous communities in Bakun Hydroelectric Dam, Sarawak, Malaysia, *Doctoral dissertation*, Universiti Utara Malaysia.
- Lin, C.Y.O, (ptjmh). 2008. *Tanah menyara hidup: Hak-hak tanah dan pengembangan perladangan kelapa sawit di Sarawak*. Marcus Colchester, Wee Aik Pang, Wong Meng Chuo dan Thomas Jalong, Tanpa penerbit: Forest Peoples Programme dan Perkumpulan Sawit Watch.
- Ma'rof Redzuan, Abdul Razak Abd. Rahman. 2008. Integrasi Orang Asli dalam masyarakat arus perdana dlm. Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill (ed.) *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 252-283.
- Ma'rof Redzuan, Mohd Taufiq Mahmud. 2008. Orang Asli: Ekonomi pasaran dan konsumerisme. dlm. Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill (ed.) *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 222-251.
- Maffie, J. 2009. In the end, we have the Gatling gun, and they have not: Future prospects of indigenous knowledges. *Futures*, 41(1), 53-65.
- Malhi, Y., Gardner, T. A., Goldsmith, G. R., Silman, M. R., & Zelazowski, P. 2014. Tropical forests in the Anthropocene. *Annual review of environment and resources*, 39, 125-159.

- Matsui, K. 2015. Problems of defining and validating traditional knowledge: A historical approach. *The international indigenous policy journal*, 6(2), 2.
- Ma'Rof Redzuan, Zahid Emby. 2008. Orang Asli: pembangunan dan ekologi hutan dlm. Ma'Rof Redzuan & Sarjit S. Gill (ed.) *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 204-221.
- Mohamed, B., & Masron, T. 2014. The indigenous forest navigational system among the Penan community of Sarawak, Malaysia. In *Proceedings of international academic conferences* (No. 0100726). International Institute of Social and Economic Sciences.
- Mohd Syafiq Akmal Kasimun@Katmon, and Azima Abdul Manaf, (2014) Peri pentingnya pemilikan Tanah Adat yang diiktiraf: Memahami keperluan Komuniti Bidayuh Serian, Sarawak. *Geografia: Malaysian journal of society and space*, 10 (6), 171-178.
- Mohd. Zuhdi Marsuki, Amer Saifude Ghazali. 2002. *Etika alam sekitar daripada perspektif Islam, Timur dan Barat*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Mustaffa Omar. 2008. Rancangan pengumpulan semula (RPS) Masyarakat Orang Asli: Pencapaian dan cabaran dlm. Ma'Rof Redzuan & Sarjit S. Gill (ed.) *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 178-203.
- Rachagan, S. Sothi. 1998. Sustainable forest management in Malaysia-Guidelines For Conflict Resolution, dilayari pada 1 Oct. 2009, di Institute for Global Environmental Strategies (IGES) di <http://enviroscope.iges.or.jp/modules/envirolib/upload/1504/attach/ir98-2-9.pdf>
- Ramle Abdullah. 2008. Orang Asli dalam arus pembangunan nasional di Terengganu dlm. Ma'Rof Redzuan & Sarjit S. Gill (ed.) *Orang Asli: isu, transformasi dan cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 44-68.
- Rusli Mohd. 2000. Program pengurusan sumber alam dlm. Abu Bakar Abdul Majeed, Abu Bakar Yang (peny.) *Pengurusan bijak alam sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 67-89.
- Oh, T. H., Chua, S. C., & Goh, W. W. 2011. Bakun-Where should all the power go?. *Renewable and sustainable energy reviews*, 15(2), 1035-1041.
- PBB. 2009. *State of the World's Indigenous Peoples*. New York: Department of Economic and Social Affairs. New York: United Nations Publications.
- Sillitoe, P., & Marzano, M. 2009. Future of indigenous knowledge research in development. *Futures*, 41(1), 13-23.
- Sovacool, B. K., & Bulan, L. C. 2011. Behind an ambitious megaproject in Asia: The history and implications of the Bakun hydroelectric dam in Borneo. *Energy policy*, 39(9), 4842-4859.
- SUHAKAM. 2002. *Laporan Aduan dan Siasatan: Hak Masyarakat Asli Sarawak*. Kuala Lumpur: SUHAKAM.
- Watene, K., & Yap, M. 2015. Culture and sustainable development: Indigenous contributions. *Journal of global ethics*, (ahead-of-print), 1-5.
- Zaini Ujang. 2009. *Minda Lestari: pembangunan negara dan pemuliharaan alam sekitar*. Johor Bahru: Penerbit Universiti teknologi Malaysia.
- Zakir, S. M. 2014. Karya dan kekuasaan pengarang: Pemikiran dan gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan. *Jurnal Melayu*, 12(1); 70-81.

Biodata Penulis

Maharam Mamat

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang sastera alam sekitar. Melakukan penyelidikan tentang kritikan ekologi dan sastera alam sekitar, selain terlibat dalam penulisan kreatif.